

Pemimpin negara tunai tanggungjawab

PAH - 22/3/2004
pg. 5

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya menunaikan tanggungjawab mengundi di kawasan masing-masing pada pilihan raya umum ke-11, semalam.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bertanding di kerusi Parlimen Kepala Batas dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Pulau Pinang, kira-kira jam 9.30 pagi.

Beliau turut meluangkan masa kira-kira 30 minit beramah mesra dengan pengundi dan petugas pilihan raya di pusat berkenaan.

Di **PAHANG**, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, mengundi di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan pada jam 8.25 pagi.

Najib yang turut diiringi anak lelakinya, Mohd Nizar serta adik beliau (Najib), Datuk Nizam, juga melawat khemah daftar pemilih Barisan Nasional (BN) di beberapa kawasan di Parlimen Pekan, termasuk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Manis, Jaya Gading, Kuantan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis dan isteri, Datin Dr Kalsom Ismail mengundi di Sekolah Kebangsaan Bukit Ridan, Muadzam Shah.

Dr Jamaludin yang bertanding kerusi Parlimen Rompin dan isteri tiba di pusat pengundian itu kira-kira jam 9.15 pagi.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman pula mengundi di Sekolah Menengah Sungai Isap, Kuantan kira-kira jam 9.30 pagi.

Di **PERAK**, Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, bersama isteri, Datin Seri Indrani, mengundi di Sekolah Menengah Methodist Sungai Siput, kira-kira jam 10 pagi. Samy Vellu mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput.

Menteri Perusahaan Utama yang juga Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang bertanding di kerusi Parlimen Beruas, pula mengundi di Sekolah Methodist Ayer Tawar pada jam 10.10 pagi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kuala Kangsar.

Beliau yang datang bersama keluarganya pada jam 8 pagi, kelihatan menolak kerusi roda dinaiki ibunya, Rahimah Abd Kahar, 84. Suami Rafidah, Datuk Mohd Basir Ahmad, 65, dan tiga anak mereka, Rohaila, 27; Alfian, 30, dan Rohaiza, 37, turut mengundi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz, mengundi di Sekolah Kebangsaan Padang Ampang, Kuala Kangsar, kira-kira jam 8.15 pagi.

Di **JOHOR**, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng bersama isteri, Datin Honey Chua mengundi dalam kawasan Parlimen yang diwakilinya, iaitu Parlimen Bakri, di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK) Chung Hua 2, Jalan Abdullah, Muar pada jam 8.50 pagi.

Menteri Pertanian, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama isteri, Puan Sri Noraine Abdul Rahman, mengundi di Sekolah Menengah Sri Muar, pada jam 8.44 pagi.

Muhyiddin yang juga calon Parlimen Pagoh, mengundi bagi kawasan Parlimen Muar dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Maharani yang masing-masing diwakili Razali Ibrahim dan Mohd Ismail Mohd Shah.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengundi di Sekolah Kebangsaan Kota Jaya, Kota Tinggi, pada jam 9.09 pagi. Beliau diiringi isteri, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein yang bertanding di kawasan Parlimen baru Sembrong, diiringi isterinya, Datin Tengku Marsila Tengku Abdullah mengundi di Sekolah Kebangsaan Bandar Tenggara 1 pada jam 10 pagi.

Di **SARAWAK**, Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, yang juga pengasas Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie



DR MAHATHIR mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, Alor Star, semalam. - Gambar oleh Shahrizal Md Noor

mengundi di SRB Yee Ting, dekat Kanowit, pada jam 9.25 pagi, bersama isterinya, Datin Amar Elizabeth.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan isteri, Datin Seri Ngui Soon Leng mengundi di Sekolah Menengah Bantuan (SMB) Kai Chung, di Bintangor pada jam 8.30 pagi.

Law, calon BN bagi kerusi Parlimen Sarikei menghadapi tiga pencabar bebas, Ngu Tieng Hai, Junak Lawak dan Ling Bit Tiing.

Di **SABAH**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Presiden Pertubuhan Pasokmologun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok dan isteri, Puan Sri Diana Dompok, mengundi di SK Inobong, Penampang, kira-kira jam 4 petang. Dompok bertanding di kerusi Parlimen Ranau (dulu Kinabalu).

Di **KEDAH**, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan isteri, Datin Paduka Suraya Mohamed Noh

mengundi di Sekolah Kebangsaan Taman Jelutong, pada jam 8.15 pagi.

Di **PERLIS**, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Tinggi.

Di **NEGERI SEMBILAN**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang mempertahankan kerusi Parlimen Jelebu, mengundi bersama isteri, Datin Seri Masnah Rais di Balai Raya Kampung Gagu, jam 8.30 pagi.

Di **MELAKA**, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Machap Baru, di Alor Gajah, kira-kira jam 8.20 pagi.


Di **PUTRAJAYA**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor mengundi di Kompleks Sekolah Putrajaya Dua, Presint 9, kira-kira jam 9.15 pagi.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman dan isteri, Puan Sri Suslita Abdul Majid, turut mengundi di tempat sama, kira-kira jam 10.30 pagi.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar,



ONG KA TING beramah mesra dengan pengundi di Pekan Nenas, Johor. - Gambar oleh Kenneth Wong



SAMY VELLU dan Datin Seri Indrani membuang undi di Sekolah Menengah Methodist Sungai Siput. - Gambar oleh Ikhwan Munir



DR LIM mengundi di Sekolah Methodist Ayer Tawar, semalam. - Gambar oleh Norsharuddin Sopian

pada jam 11.10 pagi.

Beliau yang juga penyandang kerusi Parlimen Lembah Pantai, datang bersama suami, Datuk Dr Mohd Salleh Ismail dan ibunya, Che Eishah Yusoff yang turut mengundi di situ. Turut serta ialah anak bongsunya, Wan Izzana Fa-

timah Zabedah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, tiba di pusat mengundi di Sekolah Kebangsaan Damansara Jaya Satu pada jam 7.50 pagi. Beliau diiringi isteri, Datin Seri Wendy Ong.

